



KOD ETIKA BERPAKAIAN


UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK




www.unimas.my

CONTEMPORARY FORWARD





RY & RD LOOKING



Sidang Editorial

PENASIHAT

Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi

PENGERUSI

Henry Tening Sengeng

AHLI JAWATANKUASA

Nasriman Bin Abdul Rahman
Hadijah bt Hj Morni
Noraini Binti Mohamad Hipiny
Za Zeyriqa binti Joji

JURUFOTO

Azlandy Bin Mohammid Ali Tuah

PEREKA

Dayanie Hashim
Suraya Bakeri

Visi

Untuk menjadi sebuah universiti contoh serta diiktiraf di peringkat antarabangsa dan institusi pengajian tinggi yang menjadi pilihan utama golongan pelajar dan akademik melalui pencapaian cemerlang dalam pengajaran, penyelidikan dan kesarjanaan.


Misi

Untuk menjana, menyebarkan dan menerapkan ilmu secara strategik dan inovatif bagi memperkasakan kualiti budaya bangsa dan kemakmuran masyarakatnya.

Isi Kandungan

SIDANG EDITORIAL	4
ALUAN NAIB CANSELOR	8
ALUAN PENDAFTAR	9
1.0 TUJUAN	10
2.0 TAKRIFAN	11
3.0 PANDUAN PAKAIAN SEMASA BEKERJA	12
3.1 Staf Lelaki	
3.1.1 Pakaian Umum Staf Lelaki	
3.1.2 Baju Melayu	
3.1.3 Baju Korporat UNIMAS bagi Staf Lelaki	
3.1.4 Batik Malaysia bagi Staf Lelaki	
3.1.5 Fesyen Pakaian Alternatif Staf Lelaki	
3.1.6 Penampilan Diri Staf Lelaki	
3.1.7 Alas Kaki Staf Lelaki	
3.1.8 Aksesori Lelaki	
3.2 Staf Wanita	
3.2.1 Pakaian Kebangsaan Wanita	
3.2.2 Batik Malaysia bagi Staf Wanita	
3.2.3 <i>One/Two/Three-Piece Suit</i> bagi Staf Wanita	
3.2.4 Baju Korporat UNIMAS bagi Staf Wanita	
3.2.5 Pakaian Wanita Mengandung	
3.2.6 Penampilan Diri Staf Wanita	
3.2.7 Alas Kaki Staf Wanita	
3.2.8 Aksesori/Solekan Wanita	
4.0 PENAMPILAN BERPAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN SEMASA BEKERJA	25
4.1 Staf Lelaki	
4.1.1 Pakaian Staf Lelaki yang Tidak Dibenarkan	
4.1.2 Penampilan Diri Staf Lelaki yang Tidak Dibenarkan	
4.1.3 Alas Kaki Staf Lelaki yang Tidak Dibenarkan	
4.1.4 Aksesori Lelaki yang Tidak Dibenarkan	
4.2 Staf Wanita	
4.2.1 Pakaian Staf Wanita yang Tidak Dibenarkan	
4.2.2 Penampilan Diri Staf Wanita yang Tidak Dibenarkan	
4.2.3 Alas Kaki Staf Wanita yang Tidak Dibenarkan	
4.2.4 Aksesori/Solekan Wanita yang Tidak Dibenarkan	
5.0 PANDUAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM	27
5.1 Pakaian Seragam bagi Jawatan-Jawatan di UNIMAS	
5.1.1 Juruteknik Komputer	
5.1.2 Pembantu Makmal	
5.1.3 Pembantu Operasi	
5.1.4 Juruteknik	
5.1.5 Penjaga Jentera Elektrik	
5.1.6 Pembantu Kemahiran	

5.1.7	Pemandu Kenderaan Bermotor	
5.1.8	Pembantu Taman	
5.1.9	Pembantu Awam	
5.1.10	Pegawai Kanan Polis	
5.1.11	Pegawai Rendah Polis	
5.1.12	Anggota Keselamatan UNIMAS	
5.1.13	Penolong Pegawai Farmasi	
5.1.14	Pembantu Perawatan Kesihatan	
5.1.15	Pegawai Kesihatan Persekitaran	
5.1.16	Penolong Pegawai Perubatan	
5.1.17	Jururawat	
5.1.18	Kot Makmal	
5.2	Pakaian Seragam bagi Badan Beruniform di UNIMAS	
5.2.1	Pasukan Latihan Pegawai Sukarela (PALAPES)	
5.2.2	Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia	
5.2.3	Sukarelawan Simpanan Polis	
6.0	PANDUAN PAKAIAN SEMASA MENGHADIRI UPACARA RASMI	50
6.1	Pakaian Istiadat	
6.2	Pakaian <i>Black Tie</i>	
6.3	Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	
6.4	Kemudahan Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian <i>Black Tie</i> dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	
7.0	PANDUAN PAKAIAN SEMASA MENYERTAI AKTIVITI SUKAN/RIADAH	54
8.0	PEMATUHAN ARAHAN	55
9.0	TARIKH KUATKUASA	56
10.0	PERATURAN-PERATURAN YANG DIGUNAPAKAI	57
PENGHARGAAN		58



Aluan Naib Canselor

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam UNIMASku Sayang,

Melalui penekanan terhadap aspek integriti dalam diri seorang penjawat awam, kita juga dinilai dari segi etika berpakaian terutamanya ketika bekerja dan ketika berada di majlis-majlis rasmi universiti dan kerajaan. Sejurus itu, buku Kod Etika Berpakaian ini diterbitkan sekaligus menjadi garis panduan kepada semua warga kerja universiti supaya sentiasa berpakaian kemas dan bersesuaian dengan setiap majlis atau aktiviti yang diadakan.

Hasrat universiti bukan sahaja untuk melahirkan graduan-graduan yang cemerlang, tetapi juga memastikan tenaga kerja, pentadbiran dan perkhidmatan sentiasa dalam keadaan terbaik dan berketerampilan profesional. Warga kerja adalah amat digalakkan untuk berpakaian kemas dan lengkap mengikut garis panduan yang telah diperakukan.

Apabila seseorang berpakaian tidak kemas dan tidak rapi, penampilan tersebut akan membawa imej negatif kepada orang luar yang datang ke universiti. Oleh itu, penampilan diri yang positif, kemas dan profesional secara tidak langsung menjadi tarikan kepada pelanggan-pelanggan universiti. Bukan sahaja kesihatan yang perlu kita jaga, tetapi juga penampilan diri akan memperlihatkan semangat kita sebagai warga kerja yang berintegriti. Marilah kita bersama-sama memainkan peranan dan berdedikasi terhadap etika yang telah ditetapkan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Dasar dan Integriti, Pejabat Pendaftaran dan semua pihak yang terlibat atas usaha dan kejayaan menerbitkan buku ini.



Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak



Aluan Pendaftar

Salam Sejahtera,

Tahniah dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Bahagian Dasar dan Integriti, Pejabat Pendaftar serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan buku ini.

Selaras dengan peraturan yang telah diperakukan dan ditetapkan dalam pekeliling-pekeliling perkhidmatan sebelum ini, Bahagian Dasar dan Integriti, Pejabat Pendaftar mengambil kesempatan ini untuk menerbitkan buku Kod Etika Berpakaian bagi staf UNIMAS yang akan dijadikan panduan dalam etika berpakaian semasa bekerja. Berdasarkan Kod Etika Berpakaian ini, terdapat pelbagai jenis dan cara pemakaian yang diterima pakai, bersesuaian dengan majlis dan aktiviti semasa.


Selain daripada itu, Kod Etika Berpakaian ini diwujudkan dan digariskan agar setiap warga kerja UNIMAS sentiasa tampak profesional, berimej korporat semasa bekerja dan semasa berada di pejabat terutamanya. Cara berpakaian yang terdapat dalam buku ini diharapkan dapat membantu meningkatkan imej universiti dan menaikkan semangat bekerja di kalangan warga kerja.

Adalah menjadi harapan saya agar semua warga kampus lebih patuh pada peraturan-peraturan semasa yang telah ditetapkan dan akan sentiasa merujuk kepada buku ini sebagai rujukan utama berkaitan Kod Etika Berpakaian.



Henry Tening Sengeng
Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak





1.0 Tujuan

Kod Etika Berpakaian UNIMAS ini diterbitkan sebagai panduan dan rujukan mengenai penetapan jenis pakaian yang sesuai dan kemas dipakai semasa bekerja dan semasa menghadiri upacara-upacara rasmi bagi staf UNIMAS selaras dengan arahan dan peraturan-peraturan semasa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan universiti.

Panduan ini penting supaya wujud keseragaman dan konsistensi cara berpakaian dan penampilan diri bagi melahirkan imej korporat UNIMAS. Cara berpakaian yang kemas, bersih dan bersesuaian melambangkan keperibadian seseorang anggota perkhidmatan awam serta nilai-nilai dan etika kerja yang murni bertepatan dengan salah satu nilai teras UNIMAS iaitu berintegriti.

2.0 Takrifan

- 2.1 "Kerajaan" ertinya Kerajaan Negara Malaysia.
- 2.2 "Ketua Jabatan" ertinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan, institusi, agensi atau unit dan termasuklah mana-mana pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diberikuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi kementerian, jabatan, institusi, agensi atau unit untuk bertindak bagi pihaknya.
- 2.3 "Kumpulan Pelaksana" terdiri daripada pegawai awam yang memegang jawatan Gred 40 dan ke bawah.
- 2.4 "Kumpulan Pengurusan dan Profesional" terdiri daripada pegawai awam yang memegang jawatan Gred 41 hingga Gred 54.
- 2.5 "Kumpulan Pengurusan Tertinggi" terdiri daripada pegawai awam yang memegang Jawatan Utama dan Jawatan Gred Khas.
- 2.6 "Pegawai" atau "Pegawai Awam" ertinya seseorang anggota perkhidmatan awam.
- 2.7 "Pusat Tanggungjawab" ertinya Fakulti, Pusat, Institut atau Bahagian.

3.0 Panduan Pakaian Semasa Bekerja

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 yang berkuatkuasa mulai 18 Februari 1985, Kerajaan telah menetapkan jenis pakaian yang sesuai dan kemas dipakai semasa bekerja bagi pegawai-pegawai awam. Semua staf UNIMAS diwajibkan untuk menjaga ketrampilan diri dengan berpakaian kemas dan bersih sepanjang masa bertugas berdasarkan Kod Etika Berpakaian UNIMAS seperti berikut:

3.1 Staf Lelaki

3.1.1 Pakaian Umum Staf Lelaki

(a) Bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional:

i. *Lounge suit* atau *bush jacket* dengan bahan kain dengan warna yang sesuai.



contoh sahaja

ii. Baju kemeja, bertali leher dan seluar panjang dengan warna yang sesuai. Baju kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam atau *tuck-in* dan dibutangkan.



contoh sahaja

(b) Bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pelaksana:

- i. Baju kemeja dan seluar panjang dengan warna yang sesuai. Baju kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam atau *tuck-in* dan dibutangkan.




contoh sahaja

3.1.2 Baju Melayu

- (a) Pemakaian Baju Melayu lengkap dengan bersamping dan bersongkok warna gelap pada hari Jumaat adalah dibenarkan untuk staf lelaki.



contoh sahaja



3.1.3 Baju Korporat UNIMAS bagi Staf Lelaki

- (a) Pemakaian baju korporat UNIMAS pada setiap hari Rabu adalah digalakkan bagi semua staf UNIMAS. Walau bagaimanapun, arahan pemakaian baju korporat pada setiap hari Rabu adalah tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri majlis rasmi seperti persidangan, perjumpaan dengan pelawat atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.
- (b) Baju korporat UNIMAS adalah semua jenis baju korporat yang dibuat khas untuk staf UNIMAS termasuk baju korporat khas mana-mana pusat tanggungjawab di UNIMAS.
- (c) Pemakaian baju korporat UNIMAS bagi staf lelaki hendaklah dipadankan dengan seluar panjang.



contoh sahaja

3.1.4 Batik Malaysia bagi Staf Lelaki

(a) Dalam usaha menyokong perkembangan dan pembangunan industri batik negara yang merupakan warisan dan identiti negara, Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 yang berkuatkuasa mulai 15 Januari 2008 telah memutuskan untuk mewajibkan pemakaian batik oleh pegawai awam pada setiap hari Khamis.

(b) Arahan pemakaian batik pada setiap hari Khamis ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.

(c) Baju kemeja batik Malaysia berlengan panjang bagi staf lelaki (dengan syarat berseluar panjang, lengan baju jangan dilipat, dan sekiranya dipadankan dengan kot, baju kemeja batik hendaklah dimasukkan ke dalam atau *tuck-in*) adalah seperti berikut:

- i. Kemeja batik Malaysia berkolar
Baju Melayu Cekak Musang
(Berbutang Tiga);
- ii. Kemeja batik Malaysia berkolar
Baju Melayu Cekak Musang
(Berbutang Lima);
- iii. Kemeja batik Malaysia berkolar
Nehru (Berbutang
Terselindung); atau
- iv. Kemeja batik Malaysia berkolar
Mandarin (Berbutang Tiga).



contoh sahaja

3.1.5 Fesyen Pakaian Alternatif Staf Lelaki

(a) Berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006 yang berkuatkuasa mulai 7 April 2006, Kerajaan telah bersetuju untuk menggariskan fesyen pakaian alternatif yang sesuai dan boleh dipakai oleh pegawai perkhidmatan awam semasa bekerja dan semasa menghadiri upacara rasmi iaitu:

- i. Baju kemeja berlengan panjang (dengan syarat berseluar panjang, lengan baju jangan dilipat, dan kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam atau *tuck-in*) seperti berikut:
 - Kemeja berkolar Baju Melayu Cekak Musang (Berbutang tiga);
 - Kemeja berkolar Baju Melayu Cekak Musang (Berbutang lima);
 - Kemeja berkolar Nehru (Berbutang terselindung); atau
 - Kemeja berkolar Mandarin (Berbutang tiga).
- ii. Nehru sut (dengan syarat diperbuat dari jenis kain dan warna yang sesuai) seperti berikut:
 - Nehru sut (Berbutang hadapan); atau
 - Nehru sut (Berbutang terselindung)



contoh sahaja

3.1.6 Penampilan Diri Staf Lelaki

- (a) Rambut hendaklah pendek (tidak mencecah kolar baju) dan disikat kemas.
- (b) Digalakkan memakai kad staf semasa waktu pejabat dan semasa berada dalam kawasan UNIMAS.
- (c) Memastikan misai dan/atau janggut dijaga rapi supaya nampak kemas.



contoh sahaja



contoh sahaja



contoh sahaja

3.1.7 Alas Kaki Staf Lelaki

(a) Kasut kulit atau lain-lain kasut yang sejenis dengannya. Kasut dan stokin berwarna gelap adalah digalakkan.

(b) Kasut jenis lain boleh dipakai semasa berkerja jika tugas-tugas staf tersebut memerlukan pemakaian demikian.

3.1.8 Aksesori Lelaki

(a) Pemakaian pin tali leher adalah digalakkan dan pemakaiannya hendaklah selari dengan bahagian tengah saku baju atau jika memakai *lounge suit*, tempat pin hendaklah selari dengan atas saku baju.



contoh sahaja

3.2 Staf Wanita

3.2.1 Pakaian Kebangsaan Wanita

(a) Berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006 yang berkuatkuasa mulai 7 April 2006, pegawai wanita boleh memakai pakaian sedia ada seperti pakaian kebangsaan atau pakaian tradisional kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bekerja seperti Baju kurung, Baju kebaya yang labuh dan longgar, Sari yang tidak mendedahkan bahagian badan, Sut Punjabi lengkap berselendang, dan cheongsam yang bersesuaian dan sopan.



contoh sahaja

3.2.2 Batik Malaysia bagi Staf Wanita

(a) Pemakaian Batik Malaysia pada setiap hari Khamis melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 yang berkuatkuasa mulai 15 Januari 2008 turut dipanjangkan kepada staf wanita.

(b) Arahan pemakaian batik pada setiap hari Khamis ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.

(c) Pemakaian batik bagi staf wanita adalah seperti berikut:

- i. Baju kurung atau Baju kebaya bercorak batik yang labuh dan longgar;
- ii. Baju kemeja atau blaus bercorak batik berlengan panjang dan dipadankan dengan seluar panjang atau skirt labuh;
- iii. Skirt labuh bercorak batik dan dipadankan dengan baju kemeja atau blaus berlengan panjang; atau
- iv. Tudung/selendang bercorak batik.



contoh sahaja

3.2.3 One/Two/Three-Piece Suit bagi Staf Wanita

(a) Bersesuaian dengan kepelbagaian bidang yang diceburi oleh kaum wanita dalam perkhidmatan awam ketika ini, maka Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2013 yang berkuatkuasa mulai 10 Oktober 2013 membenarkan pemakaian *two/three - piece pant suit* bagi pegawai awam wanita semasa bekerja atau menghadiri upacara rasmi kecuali upacara tersebut telah menetapkan pakaian tertentu. Pemakaian *two/three - piece pant suit* bagi staf wanita adalah seperti berikut:

- i. *Two/three - piece pant suit* adalah gabungan kot atau *blazer* dan/atau baju kemeja atau blaus berlengan panjang dengan bahan kain dan warna yang sesuai yang dipadankan dengan seluar panjang dengan bahan kain dan warna yang sesuai.
- ii. Selain daripada di atas, kot atau *blazer* dan/atau baju kemeja atau blaus berlengan panjang dengan bahan kain dan warna yang sesuai boleh dipadankan dengan skirt labuh dan longgar atau skirt paras lutut dengan bahan kain dan warna yang sesuai.

(b) Tambahan kepada surat pekeling di atas, pemakaian *one-piece dress* atau jubah yang bersesuaian dan sopan bagi pegawai awam wanita juga dibenarkan.



contoh sahaja

3.2.4 Baju Korporat UNIMAS bagi Staf Wanita

(a) Pemakaian baju korporat UNIMAS pada setiap hari Rabu adalah digalakkan bagi semua staf UNIMAS. Walau bagaimanapun, arahan pemakaian baju korporat pada setiap hari Rabu adalah tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri majlis rasmi seperti persidangan, perjumpaan dengan pelawat atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.

(b) Baju korporat UNIMAS adalah semua jenis baju korporat yang dibuat khas untuk staf UNIMAS termasuk baju korporat khas mana-mana pusat tanggungjawab di UNIMAS.

(c) Pemakaian baju korporat UNIMAS bagi staf wanita hendaklah dipadankan dengan seluar panjang, skirt labuh dan longgar atau skirt paras lutut, dan bagi wanita bertudung hendaklah dipakai dengan tudung daripada jenis dan warna yang bersesuaian.



contoh sahaja

3.2.5 Pakaian Wanita Mengandung

(a) Staf wanita yang mengandung dibenarkan memakai pakaian wanita mengandung yang sopan dan sesuai dipakai semasa bekerja.



contoh sahaja

3.2.6 Penampilan Diri Staf Wanita


(a) Rambut hendaklah disikat kemas sesuai dengan tugas-tugas yang dijalankan.

(b) Bagi wanita bertudung, jenis dan warna tudung hendaklah bersesuaian dengan pakaian yang digunakan.

(c) Digalakkan memakai kad staf semasa waktu pejabat dan semasa berada dalam kawasan UNIMAS.



contoh sahaja



3.2.7 Alas Kaki Staf Wanita

- (a) Kasut kulit atau lain- lain kasut yang sejenis dengannya. Kasut yang digunakan hendaklah bertutup di bahagian hadapan.
- (b) Kasut jenis lain boleh dipakai semasa bekerja jika tugas-tugas staf tersebut memerlukan pemakaian demikian.



contoh sahaja

3.2.8 Aksesori/Solekan Wanita

- (a) Barangan kemas dan solekan yang digunakan hendaklah secara minimal serta bersesuaian



contoh sahaja

4.0 Penampilan Berpakaian yang Tidak Dibenarkan Semasa Berkerja

4.1 Staf Lelaki

4.1.1 Pakaian Staf Lelaki yang Tidak Dibenarkan

- (a) Melipat lengan baju bagi baju kemeja berlengan panjang.
- (b) Memakai apa-apa jenis pakaian wanita.
- (c) Memakai Baju Melayu yang tidak lengkap (tanpa songkok dan sampung).
- (d) Memakai *bow-tie* bagi menggantikan tali leher.
- (e) Memakai *T-Shirt* samada berkolar atau *round-neck*, *jeans* atau seluar pendek pada waktu pejabat kecuali atas kebenaran ketua jabatan.
- (f) Memakai pakaian batik selain daripada batik Malaysia pada hari Khamis.
- (g) Memakai baju yang melambangkan parti politik, syarikat perniagaan, atau unsur-unsur ganas, seram dan seumpamanya.
- (h) Berpakaian menjolok mata yang jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat.

4.1.2 Penampilan Diri Staf Lelaki yang Tidak Dibenarkan


- (a) Menggayakan rambut dengan fesyen *punk*, *skinhead* atau yang sama dengannya.
- (b) Mewarnakan rambut menggunakan warna yang tidak sesuai dengan imej korporat.
- (c) Berketrampilan seperti wanita contohnya mewarnakan kuku, berkuku panjang, dan memakai solekan.

4.1.3 Alas Kaki Staf Lelaki yang Tidak Dibenarkan

- (a) Memakai selipar, kasut getah, sandal atau kasut sukan semasa bekerja di dalam pejabat.

4.1.4 Aksesori Lelaki yang Tidak Dibenarkan

- (a) Memakai apa-apa jenis perhiasan wanita.
- (b) Memakai cincin secara berlebihan.
- (c) Bertindik atau memakai subang di mana-mana bahagian muka dan badan.



4.2 Staf Wanita

4.2.1 Pakaian Staf Wanita yang Tidak Dibenarkan

- (a) Memakai *T-Shirt* samada berkolar atau *round-neck*, *jeans* atau seluar pendek pada waktu pejabat kecuali atas kebenaran ketua jabatan.
- (b) Memakai pakaian batik selain daripada batik Malaysia pada hari Khamis.
- (c) Memakai baju yang melambangkan parti politik, syarikat perniagaan, atau unsur-unsur ganas, seram dan seumpamanya.
- (d) Pakaian menjolok mata seperti kain yang jarang, nipis, singkat atau terlalu ketat.
- (e) Memakai skirt pendek di atas paras lutut.
- (f) Memakai fesyen/*trend* pakaian yang keterlaluan.

4.2.2 Penampilan Diri Staf Wanita yang Tidak Dibenarkan

- (a) Memakai pakaian yang menutup muka.
- (b) Mewarnakan rambut menggunakan warna yang tidak sesuai dengan imej korporat.

4.2.3 Alas Kaki Staf Wanita yang Tidak Dibenarkan

- (a) Memakai selipar, kasut getah, sandal yang menampakkan jari kaki atau kasut sukan semasa bekerja di dalam pejabat.

4.2.4 Aksesori/Solekan Wanita yang Tidak Dibenarkan

- (a) Memakai barang hiasan dan solekan secara berlebihan.
- (b) Bertindik atau memakai subang di bahagian muka yang tidak sesuai dengan imej korporat.

5.0 Panduan Pemakaian Seragam


5.1 Pakaian Seragam bagi Jawatan-Jawatan di UNIMAS

Pegawai awam yang dibekalkan dengan pakaian seragam wajib memakainya semasa bekerja atau apabila menghadiri upacara-upacara rasmi kecuali jika peraturan pakaian khas telah ditetapkan untuk upacara rasmi tersebut. Pakaian seragam adalah meliputi keseluruhan komponen yang melengkapkan reka bentuk pakaian seragam yang telah ditetapkan seperti pakaian, topi, kasut, tali pinggang dan tali leher. Ketua Jabatan perlu memastikan kakitangan yang dibekalkan pakaian seragam supaya memakainya semasa bertugas rasmi.

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990 yang berkuat kuasa mulai 14 Ogos 1990, pada dasarnya penentuan kelayakan untuk membekalkan pakaian seragam adalah berdasarkan keperluan tugas jawatan tertentu. Pakaian seragam adalah dibekalkan berdasarkan asas-asas berikut:

(a) Sebagai lambang kuasa yang diperuntukkan kerana tugas jawatan yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, memasuki kawasan, bangunan dan rumah-rumah untuk tujuan pemeriksaan. Pakaian seragam dibekalkan bagi tujuan pengenalan diri pegawai kepada orang yang terlibat semasa menjalankan tugas mereka dan dikehendaki memakai pakaian seragam sepanjang waktu bertugas. Kakitangan yang terlibat adalah seperti Polis Bantuan, Jururawat dan Juruteknik Komputer;

(b) Bagi tujuan perlindungan dan keselamatan diri kakitangan daripada percikan bahan-bahan kimia dan kekotoran semasa bertugas. Kakitangan terlibat dengan bidang tugas ini adalah seperti Juruteknologi Makmal Perubatan, Jurupulih Perubatan, Juru X-Ray, Juruteknik Perubatan, Penolong Pegawai Farmasi, Pembantu Perawatan Kesihatan, Pegawai Kesihatan Persekitaran, Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Makmal, Juruteknik, Penjaga Jentera Elektrik, Pembantu Kemahiran, Pembantu Taman dan Pembantu Awam; dan



(c) Bagi tujuan kebersihan dan rupa. Ini melibatkan kakitangan seperti Pemandu Kenderaan Bermotor dan Pembantu Operasi.

Secara amnya, pakaian seragam bagi staf lelaki hendaklah dipadankan dengan seluar panjang dan kasut kulit bewarna hitam. Manakala, pakaian seragam bagi staf wanita hendaklah dipadankan dengan seluar panjang atau skirt labuh serta kasut kulit bertutup dan bewarna hitam. Seluar atau skirt dan kasut jenis lain, boleh dipadankan dengan pakaian seragam jika tugas-tugas staf tersebut memerlukan pemakaian demikian. Selain itu, staf yang berpakaian seragam dibenarkan untuk memakai Baju Korporat UNIMAS pada hari Rabu atas kebenaran Ketua Jabatan.

Berikut merupakan jawatan-jawatan yang berpakaian seragam di UNIMAS:

5.1.1 Juruteknik Komputer

(a) Lelaki



(b) Wanita




5.1.2 Pembantu Makmal

(a) Lelaki



(b) Wanita





5.1.3 Pembantu Operasi

(a) Lelaki



(b) Wanita



5.1.4 Juruteknik

(a) Lelaki



5.1.5 Penjaga Jentera Elektrik

(a) Lelaki



5.1.6 Pembantu Kemahiran


(a) Lelaki



5.1.7 Pemandu Kenderaan Bermotor

(a) Lelaki





5.1.8 Pembantu Taman

(a) Lelaki



5.1.9 Pembantu Awam

(a) Lelaki



(b) Wanita



5.1.10 Pegawai Kanan Polis

(a) Lelaki

i. Pakaian Seragam Kawad

- Tongkat/pedang digunakan bagi kawad melibatkan Pegawai Kanan Polis iaitu Inspektor Polis dan ke atas.



ii. Pakaian Seragam Kerja (*Bush Jacket*)



iii. Pakaian Seragam Kerja (*Tuck in*)



iv. Pakaian Seragam Operasi Tugas Am





(b) Wanita

i. Pakaian Seragam Kawad



ii. Pakaian Seragam Kerja
(*Bush Jacket*)



iii. Pakaian Seragam Kerja
(Hamil) – Tiada imej
berkaitan setakat ini

iv. Pakaian Seragam
Operasi Tugas Am



5.1.11 Pegawai Rendah Polis

(a) Lelaki

- i. Pakaian Seragam Kawad
Sarjan Mejar – Sarjan



- ii. Pakaian Seragam Kawad
Konstabel hingga Koperai
• Perbezaan adalah pangkat
di lengan



- iii. Pakaian Seragam Kerja
(*Bush Jacket*) Sarjan
Mejar



- vi. Pakaian Seragam Kerja
(*Tuck in*)





v. Pakaian Seragam Operasi Tugas Am

vi. Pakaian Seragam Kawad Sub Inspektor – Tiada imej berkaitan setakat ini



vii. Pakaian Seragam Kerja (*Bush Jacket*) Sub Inspektor- Tiada imej berkaitan setakat ini

(b) Wanita

i. Pakaian Seragam Kawad



ii. Pakaian Seragam Kerja
(Bush Jacket)



iii. Pakaian Seragam
Operasi Tugas Am



iv. Pakaian Seragam
Kerja (Hamil) – Tiada staf
berkaitan setakat ini

5.1.12 Anggota Keselamatan UNIMAS

- Bentuk/warna/jenis kain baju sama dengan Polis Bantuan cuma aksesori berbeza.

(a) Lelaki

i. Belum Menjalani Kursus Asas Polis Bantuan (Baju 1)



ii. Belum Menjalani Kursus Asas Polis Bantuan (Baju 2)




(b) Wanita

i. Belum Menjalani Kursus
Asas Polis Bantuan (Baju 1)



ii. Belum Menjalani Kursus Asas Polis
Bantuan (Baju 2)





5.1.13 Penolong Pegawai Farmasi

(a) Wanita



5.1.14 Pembantu Perawatan Kesihatan

(a) Lelaki




(b) Wanita



5.1.15 Pegawai Kesihatan Persekitaran

(a) Wanita





5.1.16 Penolong Pegawai Perubatan

(a) Lelaki

i. Gred U29



ii. Gred U32-U42



(b) Wanita

i. Gred U29



5.1.17 Jururawat

(a) Lelaki

i. Gred U29



ii. Gred U32




iii. Gred U36



iv. Gred U41 dan U44





(b) Wanita

i. Gred U19 dan U24



iii. Gred U32



ii. Gred U29



iv. Gred U36



v. Gred U41



vi. Gred U44





5.1.18 Kot Makmal

- (a) Kot putih atau kot makmal seperti gambar di bawah dipakai oleh semua yang memerlukan pemakaian kot makmal semasa bekerja;
- (b) Kot ini wajib dipakai di dalam makmal semasa menjalankan tugas di dalam makmal diagnostik mahupun makmal pengajaran;
- (c) Kot ini melindungi anggota badan daripada kemalangan yang boleh berlaku di makmal seperti pencemaran akibat tumpahan dan juga percikan bahan kimia serta bahan berbahaya yang lain;
- (d) Kot ini biasanya berlengan panjang, dan diperbuat daripada fabrik/material kapas ataupun material yang tahan terhadap asid mahupun alkali; dan
- (e) Kasut bertutup wajib dipakai semasa menjalankan kerja di dalam makmal untuk melindungi kaki sekiranya berlaku kemalangan seperti tumpahan dan percikan bahan kimia.



5.2 Pakaian Seragam bagi Badan Beruniform di UNIMAS

Berikut merupakan pemakaian Badan Beruniform di UNIMAS:

5.2.1 Pasukan Latihan Pegawai Sukarela (PALAPES)

(a) Contoh jenis pakaian seragam PALAPES yang bersesuaian dengan tugas semasa bekerja dan bertugas rasmi adalah seperti berikut:

- i. Pakaian Seragam Nombor 3 (Pakaian Kerja Lelaki dan Wanita)
 - Pakaian ini dipakai oleh pegawai dan anggota tentera lelaki dan wanita apabila menjalankan tugas rasmi di Jabatan atau keadaan tertentu di mana pakaian ini perlu dipakai.
 - Tugas-tugas serta keadaan yang memerlukan pemakaian adalah seperti menjalankan tugas rasmi seharian, menghadiri mesyuarat, latihan dan aktiviti dalam kelas dan luar kelas (berkawad).
 - Pakaian ini terdiri daripada baju berwarna hijau tua dan beret.



5.2.2 Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia

(a) Contoh jenis pakaian untuk Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang bersesuaian dengan tugas semasa bekerja dan bertugas rasmi adalah seperti berikut:

i. Pakaian Seragam Nombor 2 (*Bush Jacket*)

- Pakaian ini dipakai oleh Pegawai Bersekutu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia lelaki dan wanita apabila menjalankan tugas rasmi Jabatan atau keadaan tertentu di mana pakaian ini perlu dipakai.
- Tugas-tugas serta keadaan yang memerlukan pemakaian adalah seperti menghadiri temuduga, menghadiri mesyuarat, hadir ke acara perbarisan (bukan sebagai anggota perbarisan), dan di dalam semua bentuk lawatan atau majlis rasmi.
- Pakaian ini terdiri daripada baju *Bush Jacket* dan seluar berwarna *Royale Blue* beserta beret oren atau *peak cap*.



5.2.3 Sukarelawan Simpanan Polis


(a) Contoh jenis pakaian seragam Sukarelawan Simpanan Polis yang bersesuaian dengan tugas semasa bekerja dan bertugas rasmi adalah seperti berikut:

i. Pakaian Seragam Nombor 5 (Pakaian Seragam Kerja - *Bush Jacket*)

- Pakaian ini dipakai oleh Pegawai Kanan Kehormat Polis lelaki dan wanita apabila menjalankan tugas rasmi seharian, menghadiri mesyuarat, majlis-majlis, latihan serta program-program rasmi Universiti serta Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- Selain itu, pakaian ini hendaklah dipakai mengikut arahan dari semasa ke semasa samada dari Komandan Kor SUKSI, Pesuruhjaya Polis atau Ketua Polis Negara.
- Pakaian ini terdiri daripada baju *Bush Jacket* biru hitam berlengan pendek, seluar biru hitam, kasut *Brogue* beserta stokin hitam/biru hitam, kep berpelindung (*Peak Cap*), tongkat Polis (Pegawai) serta aksesori lain yang dibenarkan.



Pegawai Sukarela/Pegawai Bersekutu Badan Beruniform UNIMAS adalah dibenarkan untuk menggunakan pakaian seragam unit masing-masing pada setiap hari Rabu. Pemakaian pakaian seragam selain dari hari Rabu adalah dibenarkan berdasarkan keperluan semasa contohnya semasa mengikuti latihan atau mesyuarat dengan pihak atasan badan beruniform.



6.0 Panduan Pakaian Semasa Menghadiri Upacara Rasmi

6.1 Pakaian Istiadat

"Pakaian Istiadat" ertinya pakaian upacara rasmi yang direka bentuk khas untuk sesuatu perkhidmatan. Contoh Pakaian Istiadat adalah seperti di bawah:



contoh sahaja

6.2 Pakaian Black Tie

"Pakaian *Black Tie*" ertinya pakaian separa rasmi barat yang dipakai untuk majlis makan malam.

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1993 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1993, komponen Pakaian *Black Tie* kepada pegawai lelaki adalah jaket hitam berlapel satin/sutera, seluar panjang hitam berjalur hitam berkilat di kiri kanan, kemeja putih (*dress shirt with wing/normal collar*), bengkong hitam dari kain sutera hitam, dan bow hitam dasi kupu-kupu (*bow-tie*). Pakaian ini turut dikenali sebagai *Dinner Jacket* atau *Tuxedo*.

Manakala, komponen Pakaian *Black Tie* kepada pegawai wanita adalah baju kurung/kebaya beserta selendang atau pakaian petang (*evening dress*) termasuk beg tangan dan kasut.

Contoh Pakaian *Black Tie* kepada pegawai lelaki dan wanita adalah seperti berikut:



contoh sahaja

6.3 Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi

“Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi” ertinya Pakaian Kebangsaan atau *Dark Lounge Suit* bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/Negeri atau bertugas rasmi di parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Contoh Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi kepada pegawai lelaki dan wanita adalah seperti di bawah:



contoh sahaja

6.4 Kemudahan Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi

Peraturan berkaitan kemudahan Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 2007 yang berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2007 dan dijelaskan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 2007 yang berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2007. Kadar Bantuan Bayaran Pakaian adalah seperti berikut:


Bil.	Jenis Pakaian	Kadar Bayaran (RM)
1.	Bayaran Pakaian Istiadat	1,500.00
2.	Bantuan Bayaran Pakaian <i>Black Tie</i>	1,000.00
3.	Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	650.00 (pegawai) 450.00 (pasangan)

Kemudahan ini adalah tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- (a) Kemudahan bayaran pakaian ini diberi setiap tiga (3) tahun sekali;
- (b) Pegawai yang telah diberi Bayaran Pakaian Istiadat tidak layak penuntut Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi dalam tempoh tiga (3) tahun yang sama;
- (c) Tuntutan bayaran balik hendaklah disokong dengan resit;
- (d) Tuntutan bayaran balik Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi hendaklah disokong dengan maklumat mengenai jemputan upacara rasmi atau surat arahan bertugas di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri; dan
- (e) Pasangan pegawai bagi maksud menghadiri upacara rasmi adalah merujuk kepada suami atau isteri pegawai.

7.0 Panduan Pakaian Semasa Menyertai Aktiviti Sukan/Riadah

Pegawai lelaki dan wanita hendaklah berpakaian sukan atau yang bersesuaian dan sopan ketika menyertai aktiviti luar seperti bersukan atau beriadah. Contoh pemakaian pakaian sukan bagi pegawai lelaki dan wanita adalah seperti berikut:



contoh sahaja

8.0 Pematuhan Arahan

Peraturan mengenai etiket pakaian pegawai awam semasa bertugas dinyatakan dalam Peraturan 5, Bahagian II, Jadual Kedua [Seksyen 5], Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Peraturan ini dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 - Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-Pegawai Awam yang berkuatkuasa mulai 18 Februari 1985.

Peraturan 5, Bahagian II, Jadual Kedua [Seksyen 5], Akta 605 memperuntukkan;


- (1) Seseorang pegawai semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh badan berkanun melalui arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh badan berkanun; dan
- (2) Seseorang pegawai yang dikehendaki menghadiri suatu upacara rasmi hendaklah berpakaian sebagaimana yang ditentukan bagi upacara itu dan jika etiket pakaian bagi upacara itu tidak ditentukan, dia hendaklah berpakaian yang sesuai bagi upacara itu.

Peraturan 1, Bahagian I, Jadual Kedua [Seksyen 5], Akta 605 memperuntukkan;

- (1) Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai bagi seseorang pegawai badan berkanun sepanjang tempoh perkhidmatannya; dan
- (2) Pelanggaran mana-mana peruntukan tatakelakuan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini oleh seseorang pegawai boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib.

Manakala, Peraturan 21, Bahagian II, Jadual Kedua [Seksyen 5], Akta 605 memperuntukkan;

- (1) Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap ketua jabatan untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya dan untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi apa-apa pelanggaran peruntukan Peraturan-Peraturan ini.



9.0 Tarikh Kuatkuasa

Kod Etika Berpakaian UNIMAS ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Maklumat dalam Kod Etika Berpakaian UNIMAS ini adalah tepat pada waktu ia diterbitkan. Namun, ianya tertakluk kepada sebarang perubahan oleh Kerajaan dan Pengurusan UNIMAS dari semasa ke semasa.

10.0 Peraturan-Peraturan yang Digunapakai

Kod Etika Berpakaian UNIMAS ini adalah tertakluk kepada arahan sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan seperti berikut:

10.1 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 - Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-Pegawai Awam

10.2 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990 - Peruntukan Bekalan Pakaian Seragam

10.3 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1993 – Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*

10.4 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]

10.5 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 Tahun 2006 - Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi


10.6 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 2007 – Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi

10.7 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 2007 – Penjelasan Mengenai Pelaksanaan Pemberian Kemudahan Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi

10.8 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 - Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis

10.9 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2013 - Pemakaian *Two/Three – Piece Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita


10.10 Manual Personel Universiti Malaysia Sarawak



Penghargaan

Sidang Editorial ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan dalam usaha bagi menerbitkan **Buku Panduan Kod Etika Berpakaian UNIMAS** ini.

Sekian, terima kasih.



Bahagian Dasar Dan Integriti
Pejabat Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
☎ 60 82 581000 ☎ 60 82 581168
🌐 www.unimas.my